



MODUL PENDIDIKAN SIVIK DALAM PENDIDIKAN ISLAM

Tajuk: Bangkit dari Kegagalan

Nilai Teras: Kegembiraan

Masa: 1 jam

SK: 1.30 Membaca ayat 137-139 surah ali-'Imran dengan betul, lancar dan bertajwid dan merumus kefahaman ayat serta mengamaalkannya secara beradab dan istiqamah

SP: 1.30.4 Menjelaskan konsep sunatullah SWT.
1.30.5 Menerangkan kepentingan mengkaji dan meneliti sejarah umat terdahulu.
1.30.6 Menerangkan kesan pada diri seseorang mukmin apabila memahami konsep sunatullah.

Objektif:

Pada akhir PdPc, murid akan dapat:

1. Menerangkan kepentingan mengkaji dan meneliti sejarah umat terdahulu untuk bangkit dari kegagalan.
2. Menerangkan kesan terhadap mukmin yang memahami konsep sunatullah.

Aktiviti Literasi Sivik 1

1. Murid dibahagikan kepada tiga kumpulan dengan tajuk berikut:
 - (a) Kumpulan 1 – Konsep sunatullah SWT
 - (b) Kumpulan 2 – Kepentingan mengkaji dan meneliti sejarah umat terdahulu
 - (c) Kumpulan 3 – Hikmah di sebalik kegagalan dalam konteks memahami sunatullah SWT
2. Murid berbincang dan melakarkan maklumat dalam bentuk peta minda pada kertas sebak tentang tajuk tersebut.
3. Kertas sebak ditampal di dinding kelas. Murid bergerak dalam kumpulan dari satu hentian ke hentian yang lain sambil berbincang tentang topik yang diberikan.
4. Murid berkongsi pendapat, memberi ulasan dan penilaian serta mencatat maklumat yang diperolehi.

Aktiviti Literasi Sivik 2

1. Aktiviti dijalankan secara berkumpulan.
2. Guru memberi pelbagai bahan seperti majalah, surat khabar, bahan dari Internet dan gambar kepada setiap kumpulan.
3. Murid diberi contoh buku skrap yang akan dihasilkan.
4. Guru mengarahkan murid untuk menghasilkan buku skrap tentang isu berkaitan kegagalan pelajar dalam konteks memahami sunatullah SWT dengan menggunakan bahan yang disediakan oleh guru.

Refleksi: *(Diisi oleh guru sebaik sahaja selesai pengajaran)*